



No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (27)

SIARAN MEDIA

DOF LABUHKAN TUKUN KUBOID BAGI PEMULIHARAAN SUMBER PERIKANAN NEGERI PAHANG

ROMPIN, 9 Ogos 2025 – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) melabuhkan 12 unit tukun tiruan kuboid penghalang pukut tunda di Perairan Pulau Seri Buat dan Pulau Sembilang sebagai usaha melindungi habitat marin serta menyediakan kawasan pembiakan bagi sumber perikanan. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada projek tahun 2025 yang dilaksanakan di dua daerah utama di negeri Pahang, iaitu Rompin dan Pekan.

Pelaksanaan di perairan Rompin melibatkan tukun tiruan yang dilabuhkan di dua kawasan strategik sekitar Pulau Seri Buat dan Pulau Sembilang. Projek ini menelan kos RM366,750.00 melalui peruntukan pembangunan Rolling Plan Kelima (RP5) Tahun 2025, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Ketua Pengarah Perikanan, Dato' Haji Adnan bin Hussain berkata pemasangan tukun tiruan ini berperanan sebagai benteng fizikal bagi menghalang pencerobohan pukut tunda haram, di samping membentuk habitat baharu yang merangsang pertumbuhan stok perikanan dan meningkatkan biodiversiti marin.

"Tukun tiruan ini merupakan pelaburan jangka panjang untuk menjamin kelestarian sumber perikanan, memulihkan produktiviti perairan, dan melindungi sumber rezeki komuniti nelayan. Ia adalah kesinambungan usaha Jabatan Perikanan dalam memastikan sumber perikanan negara kekal mapan untuk generasi akan datang," katanya.

Rekod Jabatan menunjukkan bahawa dari tahun 2020 hingga 2025, negeri Pahang telah menerima 53 unit tukun tiruan melibatkan kos keseluruhan RM2.03 juta. Secara keseluruhan, sejak tahun 2007, sebanyak 244 unit tukun tiruan telah dilabuhkan di perairan negeri ini, meliputi lokasi seperti Rompin, Pekan, Kuantan, Pulau Tioman, Cherating, Cherok Paloh dan Nenasi.

Selain di Rompin, 12 unit tukun tiruan kuboid lagi akan dilabuhkan di Perairan Pulau Berhala, Pekan, pada Oktober 2025. Projek bernilai RM372,890.00 ini dibiayai melalui peruntukan Ecological Fiscal Transfer (EFT), dan dijangka memperluas jaringan kawasan perlindungan marin di negeri Pahang, sekali gus meningkatkan stok perikanan dan daya tahan ekosistem laut.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



ACB QMS 01



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03900



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Peneraju Perikanan

Pelaksanaan projek tukun tiruan ini diharap dapat meningkatkan stok perikanan, memulihkan kawasan habitat marin yang terjejas, serta memberi manfaat berterusan kepada komuniti nelayan setempat. Jabatan Perikanan Malaysia akan terus melaksanakan langkah-langkah pengurusan dan pemuliharaan yang berkesan bagi memastikan sumber perikanan negara kekal lestari untuk masa hadapan.

Pautan gambar :

[09.08.2025 PROGRAM MELABUH TUKUN PERAIRAN PULAU SERI BUAT DAN PULAU SEMBILANG - Google Drive](#)

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my